

FAKTOR PEMILIHAN PELAJAR LEPASAN SPM KE PROGRAM TAMHIDI (PRE-UNIVERSITI) DI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM) BAGI SESI AKADEMIK 2022/2023

Siti Rubaini Matⁱ, Fauziah Hassanⁱⁱ, Amanina Kamarudinⁱⁱⁱ & Juliana Jumal^{iv}

ⁱ (Penulis koresponden). Penyelaras Program, Pusat Tamhidi, USIM. sitirubaini@usim.edu.com

ⁱⁱ Penolong Pengarah, Pusat Pemasaran dan Kemasukan Pelajar, USIM. fauziah.hassan@usim.edu.com

ⁱⁱⁱ Penyelaras Kualiti, Pusat Tamhidi, USIM. amanina@usim.edu.com

^{iv} Pengarah, Pusat Tamhidi, USIM. juliana@usim.edu.com

Abstrak

Kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi seluruh negara kini direkodkan mengalami kemerosotan. Di Pusat Tamhidi USIM, pendaftaran pelajar berkurang sebanyak 21.3% berbanding bilangan pelajar tahun lalu. Melalui soal selidik (kuantitatif) yang dijalankan ke atas 583 orang pelajarambilan baharu sesi 2022/2023, jumlah pelajar yang memasuki Tamhidi adalah 50.3% berasal daripada aliran sains, namun dalam Rajah 1 hanya 46.7% (23.2+23.5) daripada responden yang berada di Tamhidi Perubatan, Pergigian dan Sains (TPPS) dan Tamhidi Sains Fizikal dan Teknologi (TSFT). Segelintir (3.6%) pelajar daripada aliran sains memilih untuk bertukar aliran ke Tamhidi Syariah dan Undang-Undang (TSU). Pelajar lepasan SPM yang berumur 18 tahun terdorong untuk memilih program di Pusat Tamhidi atas faktor dorongan keluarga dan cadangan daripada guru dan kaunselor sekolah. Kedudukan kewangan keluarga juga merupakan faktor yang agak memainkan peranan daripada segi pendaftaran pelajar, memandangkan terdapat beberapa orang pelajar yang tidak mendaftar sejurus menerima tawaran yang berkemungkinan disebabkan faktor kewangan. Adalah diharapkan bilangan kemasukan pelajar ke Pusat Tamhidi akan meningkat pada tahun-tahun akan datang dan seterusnya USIM dapat melahirkan pelajar-pelajar yang berdaya saing dan holistik pada masa hadapan.

Kata kunci: pra-universiti, Tamhidi, aliran sains

PENDAHULUAN

Kejayaan pelajar menjejakkan kaki ke menara gading merupakan suatu kemenangan bagi setiap insan yang bergelar ibu dan bapa. Sejak penubuhan institusi pra-universiti seperti Matrikulasi dan Kolej Tingkatan 6 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Program Asasi oleh Univeriti Awam dan Universiti Swasta, pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) boleh memohon program pra-universiti yang dikendalikan oleh universiti awam melalui satu laluan yang telah diseragamkan oleh Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) iaitu permohonan secara atas talian melalui sistem UPU Online.

Namun, baru-baru ini berita melaporkan remaja lepasan SPM yang berusia 18 tahun kini dikatakan tidak berminat untuk menyambung pelajaran ke peringkat lebih

tinggi. Suatu kajian telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan didapati hampir 390,000 orang atau 72.1% lepasan SPM enggan menyambung pelajaran. Ini merupakan data yang diperolehi pada tahun 2019, namun trend yang sama ini dilihat berterusan pada tahun 2020 dan 2021 (Omar Ahmad 2022). Ini dibuktikan dengan penurunan mendadak bilangan pelajar yang mendaftar di institusi pengajian tinggi.

Pusat Tamhidi merupakan pusat pengajian pra-universiti yang menawarkan program persediaan pelajar ke program ijazah sarjana muda di USIM. Istilah 'Tamhidi' adalah satu perkataan dalam Bahasa Arab yang bermaksud 'Persediaan' sebagaimana istilah 'Matrikulasi' di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan 'Asasi' di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan sebagainya. Manakala istilah 'Tahun Asas' digunakan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) atau setara dengan program pra-universiti seperti STPM dan A-Level. Oleh itu, Program Tamhidi adalah setara dengan program-program 'foundation' atau asasi yang dijalankan oleh universiti-universiti yang telah tersenarai (Azniwati 2015 & Mohamed et al 2015). Kini terdapat empat program yang ditawarkan di Pusat Tamhidi iaitu Program Tamhidi Syariah dan Undang-undang (TSU), Program Tamhidi Perakaunan dan Muamalat (TAC), Program Tamhidi Perubatan, Pergigian dan Sains (TPPS) serta Program Tamhidi Sains Fizikal dan Teknologi (TSFT).

Pendaftaran Pelajar Tamhidi

Penurunan mendadak bagi pendaftaran pelajar pada sesi akademik 2022/2023 bukan sahaja dialami oleh institusi pengajian lain malah berlaku di Pusat Tamhidi, USIM. Jadual 1 menunjukkan data kemasukan pelajar Tamhidi bagi tiga tahun berturut-turut mulai sesi akademik 2020/2021 sehingga 2022/2023 mengikut program.

Jadual 1: Kemasukan pelajar Tamhidi mengikut program.

Program	Sesi Pengajian		
	2020/2021 (A201)	2021/2022 (A211)	2022/2023 (A221)
TAC	281	181	159
TSU	255	250	253
TPPS	448	286	185
TSFT	274	300	203
Jumlah	1258	1017	800

Kemasukan pelajar Tamhidi yang paling tinggi dicatatkan pada sesi pengajian 2020/2021 seramai 1258 orang pelajar kerana pada sesi tersebut, penawaran program akademik oleh JPT dilakukan secara tawaran tunggal (*single-offer*) yang mana pelajar yang mendapat tawaran Tamhidi tidak akan mendapat tawaran daripada institusi lain seperti Matrikulasi KPM dan Institut Pendidikan Guru (IPG). Pada masa yang sama itu juga, negara kita mengalami pandemik COVID-19-19-19 yang menyebabkan sekatan pelajar ke luar negara telah dikuatkuasakan. Pelajar-pelajar cemerlang tidak

mempunyai pilihan lain selain untuk menyambung pengajian di dalam negara sama ada di universiti tempatan atau pun swasta.

Merujuk Jadual 1, kemasukan pelajar program TAC berkurangan sebanyak 100 orang pada sesi 2021/2022 dan terus merudum seramai 122 orang pada sesi 2022/2023 berbanding pada sesi pengajian 2020/2021. Program TPPS dan TSFT juga mengalami penurunan jumlah kemasukan pelajar yang signifikan sepanjang tiga tahun berturut-turut, menjadikan jumlah pelajar bagi kohort 2022/2023 hanya tinggal sebanyak 800 orang. Hanya program TSU yang dapat mengekalkan bilangan kemasukan pelajar sebanyak lebih kurang 250 orang setiap tahun. Situasi ini mungkin disebabkan oleh program Sarjana Muda Undang-undang dan Syariah dengan Kepujian, USIM telah mendapat pengiktirafan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang (LKPU), Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN


Kajian penerokaan ini telah dijalankan di Pusat Tamhidi bagi semua pelajar yang mendaftar bagi sesi pengajian 2022/2023 sewaktu minggu taaruf pelajar Tamhidi pada 12 Ogos 2022. Daripada sejumlah 800 pelajar yang telah mendaftar sebagai pelajar Tamhidi, hanya 583 orang sahaja memberi respon untuk mengisi borang soal selidik yang disediakan oleh Pusat Pemasaran dan Kemasukan Pelajar (PPKP)USIM. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang faktor pemilihan pelajar ke program-program di Pusat Tamhidi

Satu siri soalan telah diajukan dan disenaraikan secara atas talian, menggunakan aplikasi *Google Form*. Pelajar telah memberikan jawapan terhadap setiap soalan yang kebanyakannya berbentuk soalan aneka pilihan. Setiap soalan yang telah lengkap dijawab telah direkod dan dianalisis.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Faktor Demografi Dan Latar Belakang

Pelajar Tamhidi yang terlibat dalam kajian soal selidik ini merupakan kumpulan pelajar yang terdiri daripada 66.7% pelajar perempuan dan 33.3% pelajar lelaki bagi sesi kemasukan 2022/2023. Rajah 1 memaparkan pecahan responden mengikut program Tamhidi yang menunjukkan bahawa pelajar-pelajar daripada program TSU merupakan responden tertinggi yang mengisi borang soal selidik tersebut.



Rajah 1: Pecahan responden mengikut program Tamhidi.

Kita mungkin beranggapan bahawa pelajar yang memilih untuk meneruskan pengajian dalam Program Tamhidi Syariah dan Undang-Undang (TSU) ini terdiri daripada pelajar yang mengambil jurusan sains sosial atau pengajian Islam di peringkat sekolah menengah sebelum itu. Namun, perkara yang sebaliknya berlaku di mana pelajar yang memilih untuk mendaftar ke Program TSU merupakan pelajar lepasan SPM daripada aliran sains seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2. Ini memandangkan jumlah pelajar yang memasuki Tamhidi adalah 50.3% berasal daripada aliran sains, namun dalam Rajah 1 hanya 46.7% (23.2+23.5) daripada responden yang berada di TPPS dan TSFT. Segelintir (3.6%) pelajar daripada aliran sains memilih untuk bertukar aliran ke TSU.



Rajah 2: Aliran pengajian pelajar Tamhidi sewaktu di sekolah menengah.

Di Pusat Tamhidi, pelajar lepasan SPM aliran sains dibenarkan untuk memohon program bukan sains iaitu program TAC dan TSU jika semua syarat yang ditetapkan oleh program berkaitan dipenuhi. Daripada data dalam Rajah 2 di atas, ternyata perkara ini merupakan adalah salah satu faktor kemasukan pelajar ke Pusat Tamhidi. Perkara ini dilihat positif dan menyumbang kepada peningkatan angka pemilihan pelajar. Walaubagaimanapun, pola ini dilihat agak membimbangkan kerana tidak menepati dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN).

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah merangka pelbagai usaha untuk membudayakan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) dalam kalangan rakyat Malaysia. Inisiatif ini adalah selaras dengan DSTIN yang telah diluluskan oleh kerajaan pada tahun 2013. Terdapat enam (6) Teras Strategik Utama terkandung di dalam DSTIN iaitu i) Memajukan Bidang-bidang Penyelidikan dan Pembangunan Saintifik dan Sosial (R,D&C); ii) Membangun, Memupuk dan Menggilap Bakat; iii) Menggiat dan Mencergaskan Industri; iv) Mentransformasi Tadbir Urus STI (Sains, Teknologi & Inovasi); v) Menggalak dan Memupuk Kesedaran STI; dan vi) Mengukuhkan Hubungan Strategik Antarabangsa (MOSTI 2014). Jumlah pelajar STEM negara pada tahun 2020 tidak mencapai sasaran iaitu hanya 40% daripada 60% tempat yang ditawarkan di universiti tempatan (Sinar Harian, 2020).

Sejak tahun 1967 lagi, kerajaan Malaysia mensasarkan kadar peratusan 60:40 iaitu nisbah penyertaan pelajar dalam aliran sains berbanding sastera untuk tujuan tersebut. Semenjak itu, polisi nisbah 60:40 telah diamalkan dalam sistem pendidikan negara sehingga kini (ASPer 2022). Menurut statistik peratusan penyertaan pelajar sekolah menengah dalam pelbagai aliran semenjak 1981 - 2010 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan bahawa nisbah 60:40 tidak pernah tercapai (Fatin 2012). Selain daripada jumlah penyertaan pelajar yang tidak mencapai sasaran, lebih membimbangkan lagi apabila dapatan program penilaian antarabangsa iaitu *Programme for International Student Assessment (PISA)* dan *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)* yang melaporkan kemerosotan pencapaian Sains dan Matematik di Malaysia (Mat & Zakaria 2021).

Menurut suatu artikel dalam *Malaysian Journal of Society and Space* (2016) yang bertajuk "Memperkasa pembangunan modal insan Malaysia di peringkat kanak-kanak: Kajian kebolehlaksanaan dan kebolehintegrasian pendidikan STEM dalam kurikulum PERMATA Negara", kedudukan Malaysia dalam keputusan TIMSS dan PISA adalah jauh ketinggalan. Artikel itu melaporkan bahawa peratusan murid Malaysia gagal mencapai tanda aras minimum dalam Matematik adalah hampir 60%, manakala sejumlah 43% murid tidak mencapai tanda aras minimum dalam Sains (Adnan et al 2016).

Pelajar mungkin berpendapat memasuki aliran sains memerlukan usaha yang lebih kerana mendapati subjek Sains dan Matematik adalah susah berbanding subjek dalam aliran sains sosial yang lain. Menurut Laporan Sains Tahun 2015 keluaran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), 'terbeban' dikenal pasti antara faktor utama menyumbang kepada kurangnya penerimaan pelajar terhadap aliran ini (Lano Lan 2017). Ibu bapa juga dikatakan kurang memberi galakan kerana kurang pengetahuan terhadap potensi bidang sains terhadap pembangunan negara pada masa hadapan. Adalah agak membimbangkan sekiranya tenaga kerja dalam bidang kejuruteraan, penyelidikan dalam pelbagai bidang sains dan sebagainya berkurangan.

Pengurangan pelajar dalam bidang sains di Pusat Tamhidi juga secara tidak langsung akan mengurangkan bilangan pelajar yang layak ke Fakulti Sains dan Teknologi (FST) serta Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) di USIM. Perkara ini tidak boleh dipandang ringan, memandangkan kemandirian sesebuah fakulti adalah bergantung kepada jumlah pelajar yang mendaftar dan bergraduasi. Bagi program yang tidak boleh bersaing, mempunyai kemungkinan untuk dijumud, beku dan lupus (JBL).

Selain daripada faktor latar belakang aliran pelajar semasa peringkat SPM, faktor kemasukan ke Tamhidi juga dipengaruhi oleh kedudukan kewangan keluarga pelajar. Pendaftaran pelajar memerlukan kos perbelanjaan yang agak tinggi, dan jika dicampurkan dengan kos keperluan buku dan sara hidup (makan dan minum) serta perjalanan pergi dan balik, ibu bapa perlu berfikir panjang untuk menerima tawaran untuk mendaftar ke USIM. Jadual 2 menunjukkan jumlah yuran kemasukan ke Pusat Tamhidi bagi kedua-dua semester mengikut komponen.


Jadual 2: Keperluan Yuran Pelajar Tamhidi bagi Setahun

KOMPONEN	JUMLAH (MYR)
Yuran Sahaja (Semester 1 Sahaja)	645.00
Yuran Pengajian & Penginapan (Setiap Semester 1 & 2)	1,020.00
JUMLAH YURAN	
Semester 1	1,665.00
Semester 1 + 2	2,685.00

Kenaikan harga barangan berasaskan keperluan makanan berkemungkinan memberi kesan kepada faktor kemasukan pelajar ke Pusat Tamhidi. Harga makan bagi sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam, sekiranya dibekalkan RM20 sehari kepada anak, jumlah sebulan adalah sebanyak RM600. Kekangan kos kewangan yang tinggi ini akan menyebabkan pelajar akan lebih cenderung menerima tawaran ke matrikulasi yang mana semua perbelanjaan ditanggung oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) termasuk wang saku sara hidup tanpa mengambil kira syarat jumlah pendapatan maksimum isirumah pelajar. Selain daripada itu, pelajar juga akan lebih cenderung untuk memilih program-program yang menawarkan biasiswa sepenuhnya seperti MARA, JPA, UNITEN, Petronas, Yayasan Negeri dan banyak lagi.

Menyedari keadaan ini, pelajar Pusat Tamhidi daripada kategori B40 dan M40 layak untuk memohon Bantuan Kewangan Asasi (BKA) daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu sebanyak RM3920 setahun. Permohonan BKA boleh dibuat oleh pelajar seawal minggu pertama kemasukan ke USIM melalui permohonan secara atas talian dan dokumen perjanjian dan keperluan lain BKA diuruskan oleh

pejabat pentadbiran Pusat Tamhidi. Rajah 3 menunjukkan peratusan bilangan pelajar mengikut jumlah pendapatan isi rumah mengikut kategori.



Rajah 3: Bilangan Pelajar Mengikut Jumlah Pendapatan Seisi Keluarga


Daripada seramai 583 orang responden, hanya 22.1% adalah keluarga berpendapatan RM3000 ke bawah manakala 15.3% lagi adalah keluarga berpendapatan RM3001-RM5000. Kedua-dua kategori ini layak memohon BKA. Bagi kategori keluarga berpendapatan RM5001-RM11000 pula, BKA boleh diberi mengikut pendapatan terendah dan bilangan adik-beradik yang tinggi. Kategori inilah yang mencatat peratusan paling tinggi, sebanyak 38.6% dan jika ditambah dengan keluarga berpendapatan RM11000 ke atas sebanyak 24% lagi menjadikan kategori T20 adalah kumpulan yang agak banyak mendaftar di Pusat Tamhidi. Kesimpulan yang diperolehi ialah pelajar Pusat Tamhidi kebanyakannya datang daripada keluarga yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh.

STRATEGI PEMASARAN

Bagi membolehkan calon lepasan SPM mengenali pilihan pertama di Pusat Tamhidi USIM, Pusat Pemasaran dan Kemasukan Pelajar (PPKP) telah melakukan pelbagai aktiviti promosi sepanjang tahun. Seramai 80.4% daripada responden mengenali USIM belum memohon dan mengisi borang UPU. Manakala selebihnya menjawab ada kemungkinan mengenali dan tidak langsung mengenali USIM. Jadi, bagaimanakah baki sebanyak 19.6% pelajar mengetahui tentang Pusat Tamhidi?


Bagi menjawab soalan bagaimanakah pelajar mendapat maklumat tentang USIM, 583 responden boleh memilih sehingga tiga jawapan sahaja bagi pilihan yang diberikan. 74.1% menyatakan mereka memilih USIM kerana mendapat maklumat daripada ibubapa dan adik beradik di rumah. 64.7% mengatakan mereka mendapat maklumat daripada media sosial, manakala 52.7% mengenali USIM melalui penerangan oleh kaunselor di sekolah masing-masing. Pilihan jawapan yang seterusnya dipilih oleh responden ialah pelajar mengenali USIM daripada program

Jom Masuk U yang dianjurkan oleh KPT dan melalui laman sesawang USIM sendiri. Data ini boleh dilihat dalam Rajah 4 seperti di bawah.



Rajah 4: Cara Pelajar Mengenali USIM

Seterusnya, Rajah 5 menunjukkan sebanyak 59.5% responden memilih Pusat Tamhidi sebagai pilihan pertama, manakala 19.9% lagi meletakkan Pusat Tamhidi sebagai pilihan kedua. Ini menunjukkan jika pelajar memilih mana-mana program di Pusat Tamhidi sebagai pilihan pertama, kebarangkalian untuk terpilih dan ditawarkan tempat adalah tinggi (Rajah 5).




Rajah 5: Pusat Tamhidi sebagai pilihan pertama, kedua, ketiga dan seterusnya.

Dalam soal selidik ini juga, pelajar telah ditanya apakah faktor yang mendorong mereka untuk sambung belajar ke peringkat pengajian tinggi. Jawapan yang dipilih pelajar ialah 1) persediaan di masa hadapan, 2) kesedaran untuk melanjutkan pelajaran, 3) pengaruh keluarga, 4) pengaruh guru dan kaunselor, 5) informasi mengenai IPT (USIM) dan 6) kehendak diri sendiri. Rajah 6 menunjukkan pilihan pelajar bagi keenam-enam faktor yang disebutkan.


Didapati, faktor yang mencatat pilihan yang paling banyak adalah pengaruh keluarga dan pengaruh guru dan kaunselor di sekolah. Melalui pilihan yang dibuat juga, pelajar faham mereka perlu berbuat sesuatu untuk masa depan, dan dengan menjejakkan kaki ke universiti, mereka boleh menyediakan diri untuk menghadapi masa hadapan yang lebih mencabar. Pelajar-pelajar juga turut dibantu serta dinasihati

oleh ahli keluarga supaya berbuat sesuatu yang memberi faedah untuk diri pelajar sendiri.




Rajah 6: Faktor pemilihan pelajar ke institusi pengajian tinggi selepas SPM (1-kurang setuju 7-sangat setuju).

Apabila ditanya siapakah yang paling banyak mendorong untuk memilih program di Pusat Tamhidi USIM, sejumlah 48.7% mengatakan bahawa ibubapa dan adik beradik memberi pengaruh yang paling kuat dalam pemilihan. Manakala sebanyak 40.1% pula menyatakan pelajar memilih program di Pusat Tamhidi USIM tanpa dipengaruhi oleh sesiapa kerana ia merupakan keputusan yang dibuat oleh diri sendiri. Keluarga terdekat seperti saudara-mara, guru dan kaunselor di sekolah, rakan sebaya dan senior di sekolah juga turut memainkan peranan dalam mempengaruhi pelajar dalam memilih Pusat Tamhidi USIM (Rajah 7).



Rajah 7: Pendorong Utama Pelajar dalam Menyambung Pengajian ke Pusat Tamhidi




Rajah 8: Faktor yang mendorong pelajar melanjutkan pengajian ke Pusat Tamhidi (1-kurang setuju, 7-sangat setuju).

Merujuk kepada Rajah 8, faktor yang disenaraikan untuk dipilih oleh pelajar sebagai pendorong dalam memilih Pusat Tamhidi sebagai tempat pengajian ialah 1) kedudukan dan reputasi USIM sebagai sebuah universiti awam yang berpengaruh, 2) yuran pengajian yang kompetitif, 3) bantuan biasiswa, 4) peluang untuk menyambung terus ke peringkat Sarjana Muda, 5) keputusan akademik yang cemerlang, 6) program pengajian yang menarik dan 7) meminati program Tamhidi. Faktor ke-3 iaitu bantuan biasiswa adalah sebab yang paling tinggi dipilih oleh pelajar. Sehubungan dengan itu juga, pelajar memilih adanya yuran yang kompetitif menyebabkan mereka terdorong untuk memilih Pusat Tamhidi. Keseluruhan pilihan pelajar ini telah ditunjukkan dengan terperinci dalam Rajah 9 di bawah. Seramai 76.8% pelajar merasa gembira dan berpuas hati seurus mendaftar di Pusat Tamhidi USIM, manakala 22.3% menerima tawaran ini dengan hati terbuka dan redha (Rajah 9).




Rajah 9: Perasaan pelajar apabila mendaftar di Pusat Tamhidi



Rajah 10: Cabaran dan halangan untuk menyambung pengajian.

Seterusnya, pelajar juga ditanya apakah cabaran yang dihadapi untuk belajar dan menyambung pengajian. Mereka dibenarkan untuk memilih 5 pilihan jawapan dan keputusan daripada Rajah 10 menunjukkan masalah utama yang dihadapi oleh pelajar ialah kurang keyakinan diri dan tidak menguasai Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Kebanyakan mereka berminat dengan program yang dipilih untuk menyambung pelajaran ke peringkat pengajian tinggi. Rajah 10 juga memperlihatkan 50.1% pelajar menyatakan kerisauan ke atas kedudukan kewangan keluarga, seperti mana yang dibincangkan sebelum ini. Akhir sekali, Rajah 11 pula menunjukkan harapan pelajar selepas menamatkan pelajaran di Pusat Tamhidi USIM iaitu dapat meneruskan pengajian di peringkat sarjana muda di USIM, dapat meningkatkan kemahiran insaniah dan meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang yang diikuti.



Rajah 11: Harapan pelajar selepas menamatkan pengajian di Pusat Tamhidi (1- kurang setuju, 2-setuju, 3-sangat setuju)

KESIMPULAN

Pelajar lepasan SPM yang berumur 18 tahun terdorong untuk memilih program di Pusat Tamhidi atas faktor dorongan keluarga dan cadangan daripada guru dan kaunselor sekolah. Kedudukan kewangan keluarga juga merupakan faktor yang agak memainkan peranan daripada segi pendaftaran pelajar, memandangkan terdapat beberapa orang pelajar yang tidak mendaftar sejurus menerima tawaran yang berkemungkinan disebabkan faktor kewangan.

Pelajar lepasan SPM daripada aliran sains didapati memilih untuk bertukar aliran ke bidang sastera/ikhtisas. Ini merupakan satu fenomena yang menyeluruh di tanahair dan isu ini didapati sangat kritikal yang perlu ditangani segera. Beberapa kaedah intervensi perlu diambil, sebagai contoh mengadakan program secara berfokus di sekolah-sekolah terpilih seperti program *science outreach* kepada bakal pelajar SPM tentang kepentingan bidang sains dalam pembangunan negara. Pelbagai aktiviti berteraskan sains dan teknologi perlu didedahkan sejak pelajar berada di peringkat menengah rendah agar minat terhadap STEM dapat dipupuk sejak awal lagi. Selain daripada itu, selaras dengan keperluan Revolusi Industri ke-4, program baharu perlu ditawarkan seperti Program Sains Komputer yang didapati sangat menarik minat pelajar generasi terkini. Program ini boleh dijadikan *feeder* utama di beberapa fakulti seperti Program Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer di Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Program Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Multimedia di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) dan Program Ijazah Sarjana Muda Media Baharu di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP).

Adalah diharapkan bilangan kemasukan pelajar ke Pusat Tamhidi akan meningkat pada tahun-tahun akan datang dan seterusnya USIM dapat melahirkan pelajar-pelajar yang berdaya saing dan holistik pada masa hadapan.

RUJUKAN

Buku

- Azniwati Abdul Aziz. (2015). Teknik Pengajian Bahasa Arab di Peringkat Pengajian Tinggi bagi Bukan Penutur Jati: Pengalaman Pusat Tamhidi, USIM. *Prosiding Konvensyen Sains Islam 2015 (KONGSI'15)*, 2015. Pusat Tamhidi USIM.
- Mohamed Akhiruddin Ibrahim, Mazlina Mohamed Tamjid, Mohd Nurhakimi Md Yaman. 11 Tahun Tamhidi Menerajui Kurikulum Berteraskan Integrasi Ilmu Naqli & Aqli: Tinjauan Terhadap Enrolmen Pelajar. *Prosiding Konvensyen Sains Islam 2015 (KONGSI'15)*, 2015, pp. 1-11. Pusat Tamhidi.

Jurnal

- Fatin, A. P., Mohd, S. A., & Mohammad, B. A. (2012). Faktor penyumbang kepada kemerosotan penyertaan pelajar dalam aliran sains: Satu analisis sorotan tesis. *Sains Humanika*, 2, 63-71. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Adnan, M., Ayoh, A., Tek, O. E., Ibrahim, M. N., Ishak, N & Sherif, J. 2016. Memperkasa pembangunan modal insan Malaysia di peringkat kanak-kanak: Kajian kebolehlaksanaan dan kebolehintegrasian pendidikan STEM dalam kurikulum PERMATA Negara. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12, 22-29. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Internet

MOSTI Portal Rasmi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) (2014 Oktober 9). Dasar Sains, Teknologi Dan Inovasi Negara (DSTIN) Disemarak Melalui Bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan Dan Matematik (STEM). <https://www.mosti.gov.my/berita/dasar-sains-teknologi-dan-inovasi-negara-dstin-disemarak-melalui-bidang-sains-teknologi-kejuruteraan-dan-matematik-stem/>

Omar Ahmad (2022 Ogos 28). ASM diarah buat kaji selidik isu pelajar tidak minat sambung belajar. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/993775/asm-diarah-buat-kaji-selidik-isu-pelajar-tak-minat-sambung-belajar>.

Sinar Harian (2020 November 9). Jumlah pelajar ambil STEM tak capai sasaran. <https://www.sinarharian.com.my/article/109419/berita/nasional/jumlah-pelajar-ambil-stem-tak-capai-sasaran>

ASPer Portal Pusat Asasi Sains Pertanian (ASPer)(2022 November 2). Pendidikan STEM: Cabarannya di Malaysia. https://asasi.upm.edu.my/artikel/pendidikan_stem_cabarannya_di_malaysia-65940

Lano Lan (2017 Oktober 30). Tak minat sains dan matematik kerana rasa 'terbeban'. sasaran. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/10/344138/tak-minat-sains-dan-matematik-kerana-rasa-terbeban>